

BAB 7

KESIMPULAN

Kehidupan manusia di dunia ini merangkumi pelbagai nilai dan norma hidup. Setiap masyarakat memiliki nilai dan norma hidup yang tersendiri. Masyarakat Tamil zaman *cangam* memiliki pelbagai nilai dan norma yang mencorakkan kehidupan mereka. Amalan keagamaan, budaya, bahasa, perasaan kasih sayang, makanan, minuman, pakaian, pengangkutan, perhiasan diri, muzik, lukisan, dan permainan merupakan beberapa elemen yang mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Kajian berjudul 'Amalan Budaya Masyarakat Tamil Dalam Antologi *Akananuru*' dilakukan berdasarkan antologi *Akananuru*. Melalui kajian ini beberapa dapatan diperoleh tentang amalan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan corak kehidupan berdasarkan pada lima jenis *thinai* (*ecological zones*) iaitu *Kurinchi* (kawasan bukit), *Mullai* (kawasan hutan), *Marutham* (kawasan pertanian), *Neytal* (kawasan persisiran pantai) dan *Paalai* (kawasan kering kontang). Setiap *thinai* diketuai oleh seorang Dewa iaitu Dewa *Murugan* merupakan pengawal kawasan *Kurinchi*, Dewa kawasan *Mullai* ialah *Maayon*, kawasan *Marutham* di bawah kawalan Dewa *Indiran* manakala kawasan *Neytal* di bawah kuasa Dewa *Varunan* dan *Kodravai* ialah Dewi bagi kawasan *Paalai*. Penetapan Dewa mengikut *thinai* membuktikan kematangan dan kefahaman masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang keagamaan. Pada asasnya, mereka memberikan keutamaan dan kehormatan kepada kuasa Tuhan. Mereka mempercayai kuasa Tuhan sepenuhnya; segala perlakuan positif akan

dibalas dengan pulangan positif dan sebaliknya. Maka, mereka tidak rela melakukan perbuatan negatif. Nilai-nilai murni amat dimuliakan dalam kehidupan seharian mereka.

Kehidupan di dunia ini dipengaruhi oleh pelbagai cabaran dan ancaman. Manusia dapat mengatasi segala cabaran dan ancaman ini dengan bantuan kuasa Tuhan. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan pelbagai penyembahan semata-mata untuk mendapatkan bantuan dan panduan dari kuasa Tuhan. Panduan dari Tuhan menolong mengatasi segala cabaran hidup. Mereka mengamalkan upacara *veriyaaddam* yang diabadikan kepada Dewa *Murugan*. Di samping itu, masyarakat kawasan *Paalai* mengamalkan penyembahan Dewi *Kottravai*. Masyarakat kawasan *Neytal* pula mengamalkan penyembahan *ulli vilaa* dan *punal vilaa*.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan pelbagai amalan kebudayaan, di antaranya ialah mengadakan upacara perkahwinan (*thirumanam*). Mereka mengadakan upacara perkahwinan secara besar-besaran. Menghiaskan rumah, mendirikan khemah dan memasak juadah makanan adalah merupakan perlakuan-perlakuan penting dalam majlis ini. Di samping itu, mereka juga mengamalkan upacara mengikat *thali*. Upacara ini dianggap sebagai inti utama majlis perkahwinan. *Thali* ialah sejenis lambang yang menandakan status perkahwinan seseorang. *Thali* juga dikenali sebagai *ilaiyani* atau *mangala naan*. Mengikat dan memakai *thali* merupakan salah satu amalan kebudayaan yang amat penting bagi masyarakat Tamil.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* turut mengamalkan upacara mendirikan batu peringatan (*nadukal nadutal*). Amalan ini dianggap sesuatu yang mulia dan dilakukan kepada mereka yang telah berjasa dan berbakti. Wira-wira yang berkorban demi negara dan orang-orang yang berjasa kepada masyarakat dikenang sentiasa. Batu peringatan didirikan sebagai kenangan masyarakat terhadap orang berkenaan.

Membawa bekal nasi (*kaddushoru*) semasa perjalanan jauh merupakan salah satu amalan kebudayaan masyarakat Tamil. Mereka menyediakan masakan nasi masam (*pulishoru*) untuk dijadikan sebagai bekalan makanan semasa berjalan mengharungi hutan.

Pasangan kekasih yang beredar dari tempat tinggal dan wira-wira yang pergi ke medan perang membawa bekalan nasi masam. Masakan nasi masam tidak akan basi bagi jangka masa panjang.

Golongan perempuan pula mengamalkan pengiraan hari dengan menandakan garis di atas dinding rumah. Mereka mengira jumlah hari berpisah dari kekasih. Lazimnya, wira merantau ke luar negeri untuk mencari kekayaan atau urusan kerajaan (perang) dan semasa ini wirawati tinggal keseorangan di rumah. Dia akan mengira hari berpisah dari kekasih dengan menandakan garis di atas dinding rumah. Amalan ini dikenali sebagai *naaligai kanakkidutal* dalam bahasa Tamil.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan perlakuan mempercayai kecap cicak (*palli oli*). Mereka mempercayai kecap cicak merupakan tanda baik untuk memulakan atau melakukan sesuatu perkara. Mereka berpendapat bahawa kecap cicak membawa tuah kepada manusia. Oleh yang demikian, mereka akan memulakan sesuatu perlakuan bila mendengar kecap cicak.

Perlakuan meramal (*kuri keddal*) pula merupakan suatu amalan budaya bagi masyarakat Tamil. Mereka berusaha untuk meramal sesuatu kejadian seperti penyakit (*pasalai noi*) dan kehilangan ternakan (*aanirai kavartal*). *Kaadduvacci* bertanggungjawab untuk meramal perkara ini. Beliau menolong kepada mereka yang memerlukan bantuan ramalan. Lazimnya, ramalan ini disusuli dengan upacara penyembahan Dewa. Wirawati yang mengalami *pasalai noi* iaitu kesedihan perpisahan pasangan diminta mengadakan upacara *veriyaaddam*

bagi meredakan kemarahan Dewa *Murugan*. *Kaadduvacci* meramal bahawa masalah kesihatan yang dihadapi oleh wirawati adalah disebabkan oleh Dewa *Murugan*.

Golongan lelaki pula mengamalkan perlakuan menyimpan rambut sanggul (*kudumi*). Mereka yang terlibat dalam pengendalian upacara keagamaan diwajibkan menyimpan rambut sanggul. Pada lazimnya, golongan *paarpaanar* (*brahmin*) menuruti amalan ini. Amalan ini dianggap sesuatu yang berkaitan dengan ketuhanan.

Beberapa amalan sosial seperti menyalakan obor api (*kollikkol*) dan amalan memilih wakil masyarakat (*kulisiyolai*) turut diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pada waktu malam mereka menyalakan obor untuk menerangi keadaan gelap. Semasa mengadakan kawalan ladang pertanian pada waktu malam, mereka menggunakan obor api. Di samping itu, mereka juga menangkap ikan pada waktu malam. Dalam hal ini, mereka menyalakan obor api di tepi sampan. Maklumat ini membuktikan kemahiran masyarakat Tamil dalam penggunaan api dan obor.

Amalan mendirikan khemah (*pantar*) dan amalan memberi hukuman (*tandam*) merupakan amalan-amalan sosial mereka. Semasa upacara perkahwinan dan upacara sembahyang mereka mendirikan khemah. Khemah ini dibuat daripada kayu, daun hijau dan dihiasi dengan daun segar serta bunga-bunga. Khemah ini digelar sebagai *pacai pantar*. Amalan menghukum pesalah turut dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka menghukum pesalah mengikut tata cara yang ditetapkan oleh nenek moyang.

Salah satu ancaman utama bagi manusia sejagat ialah penyakit. Masyarakat Tamil zaman *cangam* berpendapat bahawa penyakit yang dialami oleh seseorang adalah pemberian Tuhan. Mereka menganggap penyakit ini disebabkan oleh kemarahan Dewa. Oleh yang demikian, mereka mengadakan beberapa upacara penyembahan Dewa. Penyembahan

veriyaaddam atau *velavan veriyaaddam* diabadikan kepada Dewa *Murugan*. Masyarakat tanah *Kurinchi* dan *Mullai* mengamalkan penyembahan Dewa *Murugan*.

Masyarakat kawasan *Paalai* pula sentiasa menghadapi masalah kebuluran. Mereka berpendapat masalah ini hanya boleh diatasi dengan bantuan Dewi *Kotravai*. Oleh yang demikian mereka mengadakan penyembahan *Kotravai Valipaadu*.

Punal vilah (Perayaan air) merupakan salah satu perayaan yang disambut di kawasan perairan (*Neytal*). Setiap kehidupan di muka bumi ini memerlukan air untuk terus hidup. Kegunaan air meliputi aktiviti-aktiviti pertanian, penyediaan makanan dan pembersihan. Air juga digunakan dalam bidang permainan. Punca-punca air digunakan untuk aktiviti riadah seperti berenang, menyelam dan permainan air. Pada zaman *cangam* permainan air bukan sahaja dianggap sebagai aktiviti riadah malahan dianggap sebagai suatu amalan kebudayaan. Mereka mengadakan perayaan air yang dikenali sebagai *punal vilah*.

Di samping itu, masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan perlakuan seperti:

- *Olvaal amalai* (amalan pengorbanan yang membuktikan kesetiaan terhadap Tuhan)
- *Vadakkiruttal* (mengorbankan diri dengan menghala arah utara)
- *Sirpam vadittal* (mengukir pelbagai jenis patung)
- *Udanpokku* (mengikuti pasangan kekasih tanpa diketahui oleh pihak lain)
- *Aanirai kavartal* (merampas ternakan pihak musuh yang tewas)
- *Togukooddu* (membina dan menggunakan gudang menyimpan barang)
- *Adaiyaalam* (menandakan kesan jalan)
- *Pulittol padukkai* (alas tidur yang dibuat daripada kulit harimau)
- *Eetal* (menderma dan menolong kepada yang memerlukan bantuan)
- *Por kaaval* (amalan menyimpan dan mengawal emas).
- *Anikalan* (memakai pelbagai jenis barang perhiasan diri)

- *Vilaiyaaddu* (bermainan pelbagai jenis permainan)

Kesemua maklumat ini membuktikan bahawa masyarakat Tamil zaman *cangam* memiliki amalan kebudayaan dan corak kehidupan yang tersendiri. Setiap amalannya mempunyai nilai estetika yang tinggi. Kebanyakan amalan kebudayaan dan aktiviti harian mereka mempunyai keperluan dan kepentingan yang tertentu. Keseluruhan amalan kebudayaan ini berdasarkan pada nilai-nilai murni. Segala perlakuan mereka adalah ke arah positif. Antologi *Akananuru* memaparkan pelbagai maklumat tentang corak kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti kehidupan harian mereka dibincangkan secara meluas dalam kajian ini.